

05 MAR 2002

MAHATHIR-MODAL/I

PASARAN MODAL PERLUKAN KERAJAAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan mempunyai peranan untuk dimainkan walaupun pemikiran sekarang bahawa kerajaan-kerajaan adalah lebih daripada yang diperlukan dan bahawa pasaran modal patut dibiarkan mengawal diri sendiri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Pasaran bukanlah bebas daripada rasuah kuasa jika kuasa diberikan kepadanya dengan istimewa," katanya di dalam ucapan beliau pada Anugerah Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur 2001 yang diadakan di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata terdapat kes-kes yang menjadi cemuhan terhadap kepercayaan bahawa pasaran-pasaran boleh mengawal selia diri mereka sendiri dan malahan mendisiplinkan kerajaan.

"Pasaran perlukan kerajaan kerana pasaran adalah mengenai membuat keuntungan manakala kerajaan mengambil perhatian mengenai kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.

Menyebut contoh-contoh mengenai pendapat yang tersilap, beliau menunjuk kepada kes Long Term Capital Management (LTCM) di AS yang hampir membawa kedudukan kewangan seluruh negara ke kancuh kehancuran.

Kerajaan terpaksa campur tangan untuk menghalang ini berlaku, tambah beliau.

Beliau juga menunjuk kepada kes yang terbaru Enron Corporation di mana telah terdapat penipuan besar-besaran dan memutar belit akaun-akaun.

"Kerajaan-kerajaan juga boleh rasuah tetapi di dalam sistem demokrasi, kerajaan-kerajaan yang rasuah tidak akan kekal berkuasa lama," kata Dr Mahathir.

Katanya sebuah kerajaan yang bebas rasuah dan dikawal selia dengan betul dan sektor swasta yang telus akan memberikan keputusan terbaik. Ia akan memastikan pertumbuhan pesat sesebuah negara.

"Tetapi ini adalah harapan yang terlalu besar. Kerajaan terpaksa dibendung oleh sektor swasta melalui keengganan melabur dan sektor swasta akan terpaksa melalui kawal seliaan dan pengawasan kerajaan," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata bahawa ini tidak bermaksud bahawa sektor swasta tidak harus cuba mengawal selia diri sendiri atau mengujutkan standard etika yang tinggi dan mendisiplinkan mereka yang degil.

Adalah menjadi tanggung jawab kerajaan untuk menetapkan piawaian dan untuk mengawal selia amalan-amalan perniagaan, katanya.

Kerajaan prihatin terhadap keperluan mengelakkan daripada mengongkong syarikat-syarikat dan seblah-bolehnya mahu mengurangkan kawal seliaan, tambahnya.

Dengan kerjasama masyarakat perniagaan ini boleh dilakukan, jamin Perdana Menteri.

Adalah di atas alasan itu kerajaan menyokong usaha-usaha untuk menggalakkan perjalanan baik di pihak lembaga pengarah, pengurus korporat dan pengurusan, katanya.

Ini boleh dilakukan dengan memberi anugerah dan pengiktirafan, tambahnya.

Krisis kewangan yang lalu telah menonjolkan kelemahan dan salah laku banyak syarikat awam dan begitupun sesetengah syarikat telah diurus dengan begitu baik sehinggakan krisis itu hampir tidak menjejaskan mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata krisis itu telah menunjukkan petingnya pengurusan yang baik.

"Pengurusan yang baik boleh dikuasai oleh semua. Ia memerlukan kejujuran dan kemahiran yang boleh dipelajari dengan mudah. Dengan syarat bahawa peraturan-peraturan, berkanun atau sebaliknya, dipatuhi dengan sepenuhnya, pengurusan baik akan terhasil," kata Dr Mahathir.

Malangnya, daya saing pasaran dan daya keuntungan memerlukan inovasi dan pengambilan risiko, tambah beliau.

Katanya peraturan-peraturan dan amalan-amalan seragam mungkin diabaikan dan risiko diambil. Kadangkala penipuan sebenar mungkin dilakukan dengan kepercayaan bahawa pulangan akan menutup pengabaian amalan-amalan yang boleh diterima, katanya.

Apabila terdapat sesuatu krisis hasil yang dijangka mungkin gagal menjadi kenyataan dan kerugian akan mendedahkan salah laku telah terbabit.

Penyeliaan ke atas pengurusan adalah penting. Auditan dalaman, lembaga pengarah dan auditan berkala oleh akauntan-akauntan profesional memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan beretika, tambahnya.

Dr Mahathir berkata tindakan berinovasi masih boleh diambil tetapi ia hendaklah dengan cara yang boleh ditakrif dan di dalam peraturan-peraturan yang diperuntukkan.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah campur tangan untuk memulihkan beberapa syarikat awam besar berikutan kesukaran yang dihadapi terutamanya dalam mengatasi masalah pinjaman.

Katanya, jika adapun usaha menyelamatkan yang dibuat, ia adalah usaha menyelamatkan pekerja-pekerja, pemegang saham minoriti dan orang awam secara umumnya.

Sekarang ini, tidak banyak kritikan tentang tindakan kerajaan Malaysia, tambah beliau.

"Tapi, bila perkara yang sama berlaku di negara-negara yang ada kaitan dengan media asing, keperluan kerajaan campur tangan dan menyelamatkan seolah-olah kurang dilihat sebagai usaha menyelamatkan," kata beliau lagi.

Kata Perdana Menteri, dalam sesuatu krisis, syarikat-syarikat yang diuruskan dengan cara terbaik sekalipun boleh gagal. Penyusutan nilai matawang dan kejatuhan harga saham sudah tentu memberi kesan buruk kepada perniagaan, katanya.

"Memanglah mudah mengatakan, biar yang paling kuat terus hidup dan biarkan perniagaan yang gagal direbut oleh orang daripada negara-negara yang tidak dilanda krisis pada harga yang hanya secebis daripada nilai sebenarnya.

"Tetapi kehilangan kekayaan dalam sesuatu krisis adalah suatu hakikat dan ia menjejaskan ekonomi negara berkenaan serta masa depannya. Membina semula ekonomi bukanlah semata-mata dengan mengubah suai kadar faedah sahaja," katanya.

Begitu banyak langkah yang terpaksa diambil oleh kerajaan dan masyarakat perniagaan sebelum proses pemulihan benar-benar boleh bermula, tegasnya. -- BERNAMA

MFZ SD OS/KY OS